

Sukan

KEJOHANAN PENCAK SILAT KEBANGSAAN KE-40

Seni Grasio juara lapan tahun berturut-turut



KEKALKAN TRADISI: Keluarga silat Seni Grasio meraikan kemenangan di Kejohanan Pencak Silat Kebangsaan (PSK) ke-40. Ia memenangi gelaran juara keseluruhan buat lapan tahun berturut-turut selepas memenangi 48 pingat emas – separuh daripada 96 pingat emas yang ditawarkan. – Foto JOHARI RAHMAT

► **NORMAN SAWI**

normans@sph.com.sg

SENI Grasio mencipta sejarah selepas memenangi gelaran keseluruhan Kejohanan Pencak Silat Kebangsaan (PSK) ke-40 – yang kelapan berturut-turut – di Dewan Sukan Pasir Ris hujung minggu lalu.

Perguruan silat yang diketuai bekas juara dunia Sheik Alau'ddin Yacoob Marican itu memenangi 48 pingat emas, 25 perak dan tujuh gangsa.

Seni Grasio, yang diwakili kebanyakan pesilat nasional, memang dijangka mempertahankan kejuaraan tetapi Sheik Alau'ddin berkata ia tidak pernah menganggap kemenangan sedia ada dalam tangannya.

“Rahsia kejayaan kami adalah mudah. Setiap anggota yang terlibat, daripada ibu bapa kepada atlit, berkorban masa dan tenaga... sanggup hadir latihan semasa hari cuti.

“Mereka juga membantu menam-

pung perbelanjaan dengan rela hati. Kejayaan ini adalah kejayaan kami semua,” kata Sheik Alau'ddin.

Menurut anggota Seni Grasio dan kapten pasukan silat nasional, Muhammad Nur Alfian Juma'en, yang memenangi pingat emas kedua berturut-turut di peringkat senior tahun ini, PSK telah membantu beliau membangun sebagai pesilat.

“Ia pertandingan silat terunggul setempat dan menerusnya, saya dapat mencongak keupayaan diri berbanding pesilat lain selain memperbaiki teknik dan keupayaan saya,” kata Nur Alfian yang telah beraksi dalam PSK sejak 2009.

Perguruan Sendeng Belalang menjadi naib juara keseluruhan dengan 22 pingat emas, 22 perak dan 16 gangsa.

Seligi Tunggal Angkatan Singapura mendapat tempat ketiga, memenangi lapan emas, 15 perak dan 23 gangsa.

Sejumlah 96 pingat emas diper-

Ingin nikmati
berita terkini?

IKUTI
KAMI
DI

BH

BeritaHarian.sg



Terlepas peluang tonton
video terbitan BH?
NIKMATINYA DI

beritaharian.sg/
galeri-video